"Walaupun seseorang itu mempunyai kemahiran berenang sekalipun, tetapi kalau tidak pandai 'membaca' keadaan (air dan cuaca) dengan baik, tidak mustahil dia juga boleh menjadi mangsa dalam kes mati lemas," katanya.

Sehubungan itu, Lam Thye menasihati masyarakat terutamanya penggemar aktiviti air untuk meneliti keadaan paras air serta cuaca sebelum melakukan aktiviti berikutan musim Monsun Timur Laut, ketika ini.

Beliau turut mengingatkan golongan ibu bapa supaya peka terhadap keselamatan anak ketika berada di kawasan membabitkan aktiviti air termasuk di kelab komuniti yang menyediakan kolam renang.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Ikatan berhasrat berkolaborasi dengan Persatuan Penyelamatan Keselamatan Malaysia (LSSM) di Pulau Pinang bagi mengadakan lebih banyak program kesedaran mengenai keselamatan aktiviti air.

"Dengan kerjasama ini, kita harap anggota LSSM boleh membantu Ikatan memberikan khidmat mengajar cara berenang kepada sesiapa terutamanya murid dan pelajar," katanya.

Ikatan adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang ditubuhkan Januari lalu, bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keselamatan dan kesihatan dalam pelbagai aspek. – BERNAMA